

31/07/1999

Cara baru tingkat pendapatan nelayan

DUNGUN, Jumaat - Kerajaan akan memperkenalkan pendekatan baru bagi mempertingkatkan pengeluaran ikan negara dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) mulai tahun 2000 sehingga 2010, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata pendekatan itu juga mampu membantu meningkatkan pendapatan nelayan, sekali gus mengeluarkan kelompok nelayan daripada belunggu kemiskinan.

Berucap di majlis perjumpaan dengan nelayan di Kampung Seberang Pintasan, di sini, beliau berkata, antara pendekatan itu ialah dengan mengubah cara tangkapan daripada teknik lama kepada baru yang lebih canggih.

"Melalui cara itu, walaupun golongan nelayan kini semakin berkurangan, jumlah tangkapan akan meningkat dan ini menambah pendapatan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata nelayan Malaysia tidak boleh lagi menggunakan cara menangkap ikan secara tradisional kerana ia akan menyebabkan mereka terus dibelenggui kemiskinan.

Beliau memberi contoh, perubahan dalam sektor pertanian menyaksikan petani di negara ini yang dahulunya menggunakan kerbau untuk membajak, bertukar menggunakan jentera moden.

"Kalau pada mulanya petani menggunakan jentera Kubota membajak sawah untuk menanam padi, kini petani terus berubah kepada traktor yang lebih besar dan canggih sehingga menggunakan jentera penuai," katanya.

Beliau berkata, budaya nelayan tempatan yang keluar menangkap ikan setengah hari perlu diubah sebagaimana nelayan negara lain termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Thailand, yang sanggup menangkap ikan di Lautan Pasifik berbulan lamanya.

Nelayan asing ini katanya, sanggup keluar ke laut lebih lama dan jauh dari negara mereka dengan teknik tangkapan yang baik kerana kawasan perairan mereka tidak lagi mempunyai bekalan ikan.

Katanya, kerajaan sedar, generasi baru nelayan sudah tidak berminat untuk membabitkan diri dalam sektor perikanan kerana mereka kini sudah mendapat pendidikan yang disediakan kerajaan.

"Sedangkan dalam masa yang sama, negara masih memerlukan kumpulan nelayan untuk membekalkan ikan. Untuk itu, kita perlu mengkaji cara untuk mengurangkan jumlah nelayan tetapi tangkapan meningkat," katanya.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Rahman Mohamad.

Di majlis yang sama, Perdana Menteri menyampaikan 14 unit komputer yang dihadiahkan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) kepada sekolah-sekolah di enam daerah di negeri ini.

(END)